- 6.2 BP dalam rangka pensampelan dikelaskan mengikut kawasan bandar dan luar bandar. Kawasan bandar ialah kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai jumlah penduduk seramai 10,000 atau lebih semasa Banci Penduduk dan Perumahan 2020. Kawasan selainnya yang diwartakan dan mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang serta kawasan yang tidak diwartakan dikelaskan sebagai kawasan luar bandar.
- 6.3 Kawasan tepu bina adalah kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan ke atas) yang terlibat di dalam aktiviti bukan pertanian.
- 6.4 Definisi kawasan bandar juga mengambil kira kawasan pembangunan khusus iaitu kawasan pembangunan yang tidak diwartakan dan boleh dikenalpasti serta terpisah dari kawasan yang diwartakan atau kawasan tepu bina melebihi lima kilometer dan mempunyai penduduk sekurang-kurangnya 10,000 orang dengan 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan ke atas) yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.
- 6.5 Pembandaran merupakan proses yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut kemajuan dan pembangunan. Oleh itu, kawasan bandar bagi Banci Penduduk dan Perumahan 2010 dan 2020 tidak semestinya merujuk kepada kawasan yang sama kerana kawasan yang memenuhi kriteria bandar akan terus bertambah dan berkembang mengikut masa.
- 6.6 Klasifikasi kawasan mengikut strata yang digunakan adalah seperti berikut:

Strata	Jumlah penduduk dalam kawasan yang diwartakan, tepu bina dan kawasan pembangunan
Metropolitan	75,000 dan ke atas
Bandar besar	10,000 hingga 74,999
Bandar kecil	1,000 hingga 9,999
Luar bandar	Kawasan selebihnya

6.7 Bagi tujuan pensampelan, klasifikasi kawasan seperti di perkara 6.6 adalah digunakan untuk semua negeri serta Wilayah Persekutuan. Bagi Sabah dan Sarawak, memandangkan masalah kesukaran untuk akses ke kawasan pedalaman, strata luar bandar dikembangkan lagi berdasarkan kepada jangka waktu yang diambil untuk sampai ke sesuatu tempat dari pusat bandar yang terdekat.

6.8 Bagi tujuan penjadualan laporan, strata-strata dicantumkan seperti berikut:

Bandar = Metropolitan + Bandar besar

Luar bandar = Bandar kecil + Keseluruhan luar bandar

7. REKA BENTUK PENSAMPELAN

7.1 Reka bentuk pensampelan berstrata dua peringkat (*two-stage stratified sampling*) telah digunakan dalam ICTHS 2024. Unit pensampelan peringkat pertama adalah BP, dipilih secara rawak menggunakan kaedah *Systematic Random Sampling*.

7.2 BP dipilih secara berasingan mengikut strata seperti berikut:

Strata pertama	Negeri
Strata kedua	Daerah pentadbiran mengikut negeri
Strata ketiga	Bandar/ luar bandar mengikut daerah pentadbiran

7.3 Seterusnya unit pensampelan peringkat kedua adalah TK dan sampel TK dipilih dari BP yang terpilih menggunakan kaedah *Systematic Random Sampling* melalui penjaan nombor rawak dan menetapkan selang pemilihan supaya setiap TK mempunyai kebarangkalian yang sama untuk terpilih. Prosedur ini dilaksanakan secara teratur dan saintifik untuk menghasilkan sampel yang tidak pincang (*unbiased*) dan boleh mewakili keseluruhan populasi IR di Malaysia.

8. SAIZ SAMPEL

8.1 Saiz sampel ICTHS 2024 mewakili populasi mengikut peringkat analisis yang ditetapkan. Saiz sampel ini telah mengambil kira faktor-faktor berikut:

- i. Statistik terpilih daripada survei yang lepas;
- ii. Peringkat reka bentuk pensampelan;
- iii. Ralat yang disasarkan; dan
- iv. Kadar respon

8.2 Agihan saiz sampel ICTHS 2024 adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan BP terpilih	Bilangan TK terpilih
Johor	258	2,064
Kedah	316	2,528
Kelantan	282	2,256
Melaka	131	1,048
Negeri Sembilan	204	1,632
Pahang	271	2,168
Pulau Pinang	172	1,376
Perak	307	2,456
Perlis	73	584
Selangor	263	2,104
Terengganu	238	1,904
Sabah	437	3,392
Sarawak	442	3,536
W.P. Kuala Lumpur	60	480
W.P. Labuan	29	232
W.P. Putrajaya	25	200
MALAYSIA	3,508	27,960

9. PENILAIAN DATA

- 9.1 Data yang diperoleh daripada survei yang dijalankan secara sampel berkebarangkalian ini tertakluk kepada dua jenis ralat iaitu ralat pensampelan dan ralat bukan pensampelan.

i. Ralat pensampelan

Ralat pensampelan berpunca daripada anggaran data yang terhasil daripada sampel berkebarangkalian. Ralat ini boleh diukur dengan menganggarkan Ralat Piawai Relatif dan dinyatakan dalam bentuk peratusan. Ia digunakan sebagai penunjuk kepada kepersisan anggaran parameter yang dikaji. Ini memberi gambaran tahap variasi anggaran pembolehubah yang dianggarkan melalui survei berbanding dengan parameter populasi.

Sebagai contoh, penemuan ICTHS 2024 mendapati peratusan capaian isi rumah terhadap Internet bagi Malaysia adalah 96.8 peratus dengan Ralat Piawai Relatif 0.1 peratus. Dalam erti kata lain, peratus Ralat Piawai adalah 0.1 peratus. Berasaskan 95 peratus selang keyakinan ($\alpha=0.05$), peratusan capaian isi rumah terhadap Internet berada dalam batasan antara 96.6% - 97.0%.

ii. Ralat bukan pensampelan

Ralat ini boleh berpunca daripada liputan survei yang tidak lengkap, kelemahan rangka, ralat maklumbalas, tiada respons dan kesilapan semasa prosesan seperti di peringkat penyuntingan, pengekodan dan tangkapan data. Bagi memastikan kualiti data berada pada tahap yang tinggi, beberapa langkah pentadbiran telah diambil supaya **ralat bukan pensampelan** berada di tahap minimum. Antaranya, latihan intensif kepada penyelia dan penemuramah. Selain daripada itu, penyeliaan yang rapi dan semakan rambang dijalankan ke atas isi rumah yang telah diliputi oleh penemuramah untuk memastikan kesahihan maklumat yang direkodkan.

Bagi mengatasi kes tiada respons yang berpunca daripada beberapa sebab seperti TK kosong, tiada penghuni di rumah, enggan bekerjasama atau TK tidak layak diliputi dalam survei, maka penganggaran saiz sampel ICTHS 2024 telah mengambil kira semua kemungkinan tersebut.

Pengemaskinian rangka pensampelan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa telah dapat mengurangkan kadar tiada respons yang berpunca daripada TK kosong. Publisiti yang meluas dilaksanakan melalui media elektronik serta media cetak bagi mengurangkan kes tiada penghuni di rumah dan enggan bekerjasama.

Selain daripada itu, di peringkat prosesan data, semakin konsistensi bagi setiap pembolehubah dan proses validasi telah dilaksanakan secara sistematik bagi meminimumkan kesemua ralat bukan pensampelan.

10. LIMITASI SURVEI

Terdapat beberapa limitasi dan juga cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan survei ini. Antaranya:

- i. Survei ini dijalankan ke atas isi rumah dan individu yang terpilih di seluruh Malaysia. Namun, ia digunakan untuk menyokong dalam memberi gambaran tentang capaian dan penggunaan ICT.
- ii. Selain itu, liputan survei ini hanya merangkumi pada peringkat negeri bagi strata 1 dan 2 untuk bandar dan strata 3 hingga 6 bagi luar bandar.
- iii. Analisis terperinci data penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah bagi peringkat daerah pentadbiran adalah berdasarkan kebolehpercayaan nilai relatif sehingga tidak melebihi selang toleransi 20 peratus.
- iv. Oleh yang demikian, penemuan survei ini perlu digunakan secara berhati-hati dan DOSM tidak bertanggungjawab ke atas sebarang implikasi daripada penggunaan statistik ini.

11. KONSEP DAN DEFINISI

11.1 TEMPAT KEDIAMAN

Tempat kediaman adalah suatu struktur yang dibina **berasingan** dan **bebas** yang lazimnya digunakan untuk tempat tinggal. Istilah berasingan dan bebas bermaksud seperti berikut:

- i. **Berasingan:** Struktur dianggap sebagai berasingan jika ia dikelilingi oleh dinding, pagar dan lain-lain serta ditutupi oleh bumbung.
- ii. **Bebas:** Struktur dikatakan bebas apabila ia mempunyai jalan masuk terus dari laluan umum, tempat lalu lintas atau ruang lapang (iaitu penghuni boleh masuk atau keluar dari TK mereka tanpa melalui perkarangan orang lain).

11.2 ISI RUMAH

Isi rumah ditakrifkan sebagai seseorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dalam satu TK serta membuat peruntukan (perbelanjaan) secara bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

11.3 KETUA ISI RUMAH

Ketua IR ditakrifkan sebagai seorang ahli biasa sama ada lelaki atau perempuan yang dianggap sebagai ketua oleh ahli IR yang lain. Ketua IR mesti seorang penerima pendapatan dan berumur 15 tahun dan ke atas.

11.4 CAPAIAN DAN PENGGUNAAN ICT

11.4.1 Capaian ICT oleh isi rumah: Sesebuah isi rumah dianggap mempunyai capaian kepada perkhidmatan dan peralatan ICT sekiranya ia masih boleh digunakan ketika temu ramah dijalankan.

11.4.2 Penggunaan ICT oleh individu:

- Penggunaan peralatan dan perkhidmatan ICT oleh seorang atau beberapa individu atau beberapa individu di dalam sesebuah isi rumah, sama ada digunakan di TK atau di tempat lain;
- Individu di sesebuah isi rumah yang berusia 15 tahun dan ke atas; dan
- Penggunaan peralatan telefon bimbit, komputer dan perkhidmatan Internet bagi tempoh tiga bulan yang lalu.

11.4.3

Indikator Utama ICT

i. Radio

Radio didefinisikan sebagai peranti yang mampu menerima isyarat penyiaran radio, menggunakan frekuensi biasa seperti FM, AM, LW dan SW. Radio boleh menjadi peranti yang berdiri sendiri, atau termasuk radio set bersepadu dengan alat yang lain seperti jam penggera, pemain audio, telefon bimbit atau komputer. Ia juga termasuk radio dalam kereta.

$$\frac{(\text{bilangan IR terpilih yang memiliki radio})}{(\text{jumlah IR terpilih})} \times 100$$

ii. Televisyen

Televisyen (TV) adalah alat yang mampu menerima isyarat siaran televisyen, menggunakan akses popular seperti *over-the-air*, kabel dan satelit. Satu set televisyen lazimnya merupakan peranti yang berdiri sendiri, namun ia boleh juga termasuk fungsi TV yang bersepadu dengan peranti lain seperti komputer atau telefon bimbit.

$$\frac{(\text{bilangan IR terpilih yang memiliki televisyen})}{(\text{jumlah IR terpilih})} \times 100$$

iii. Telefon talian tetap

Telefon talian tetap merujuk kepada talian telefon yang menyambungkan peralatan terminal pelanggan (contohnya set telefon, mesin faksimili) kepada Rangkaian Telefon Bersuis Awam (PSTN) dan yang mempunyai sebuah port pada pertukaran telefon. Istilah ini adalah sinonim dengan stesen istilah utama atau Pertukaran Talian Terus (DEL) yang biasanya digunakan dalam dokumen telekomunikasi. Ia mungkin tidak sama seperti akses dalam talian atau langganan.

$$\frac{(\text{bilangan IR terpilih yang memiliki telefon talian tetap})}{(\text{jumlah IR terpilih})} \times 100$$

iv. Telefon bimbit

Telefon bimbit merujuk kepada telefon mudah alih yang melanggan kepada satu perkhidmatan telefon mudah alih awam menggunakan teknologi selular yang menyediakan akses bagi PSTN. Ini termasuk sistem selular analog dan digital, serta teknologi seperti IMT-2000 (3G) dan IMT-Advanced. Ia adalah termasuk akaun bagi kedua-dua pelanggan pascabayar dan prabayar.

$$\frac{(\text{bilangan IR terpilih yang memiliki telefon bimbit})}{(\text{jumlah IR terpilih})} \times 100$$

v. Komputer

Komputer merujuk kepada *desktop*, komputer riba atau papan elektronik mudah alih. Ia tidak termasuk peralatan dengan beberapa *embedded computing ability* seperti telefon bimbit, *Personal Digital Assistant* (PDA) atau set TV.

$$\frac{(\text{bilangan IR terpilih yang memiliki komputer})}{(\text{jumlah IR terpilih})} \times 100$$

vi. Internet

Internet adalah rangkaian komputer awam di seluruh dunia. Ia menyediakan akses kepada beberapa perkhidmatan komunikasi termasuk *World Wide Web* dan membawa emel, berita, hiburan dan fail data, tanpa mengira peranti yang digunakan (tidak dianggap hanya melalui komputer - ia juga boleh dibuat melalui telefon bimbit, PDA, mesin permainan, TV digital dan sebagainya). Mengakses Internet juga boleh dibuat melalui rangkaian talian tetap atau telefon bimbit.

$$\frac{(\text{bilangan IR terpilih yang memiliki Internet})}{(\text{jumlah IR terpilih})} \times 100$$

vii. Aktiviti Penggunaan Internet

Aktiviti penggunaan Internet dikategorikan seperti berikut:

a) Mendapatkan maklumat

- Mendapatkan maklumat tentang barangan atau perkhidmatan
- Membaca atau memuat turun akhbar atau majalah *online*, buku elektronik

b) Komunikasi

- Menyertai dalam rangkaian sosial (Cth: *Facebook*, *WhatsApp*, *Instagram*, *X* dll)
- Menghantar atau menerima emel
- Membuat panggilan telefon melalui Internet / VoIP
- Memuat naik kandungan yang dicipta sendiri ke laman web
- Menguruskan laman web persendirian
- *Blogging*: Menyelenggara atau menambah kandungan ke dalam blog
- Mengakses laman perbualan, blog, kelompok berita atau perbincangan atas talian

c) Profesional

- Mencari pekerjaan atau menghantar permohonan kerja
- Mengambil bahagian dalam rangkaian professional (Cth: *LinkedIn* dan *Xing*)
- Mengakses sistem pengkomputeran pejabat untuk tujuan membuat kerja pejabat dari rumah

d) Sivik dan Politik

- Mengemukakan pendapat atau mengundi berkenaan isu-isu politik atau sivik (Cth: blog, media sosial, laman web)

e) Lain-lain Perkhidmatan Atas Talian

- Melaksanakan tugas yang boleh menjana pendapatan secara atas talian
- Menggunakan perkhidmatan berkaitan perjalanan atau penginapan perjalanan
- Menjual barangan atau perkhidmatan (melalui *mudah.my*, *Facebook*, *WhatsApp* dsb.)
- Membeli atau membuat pesanan barangan atau perkhidmatan selain e-Dagang (melalui *mudah.my*, *Facebook*, *WhatsApp* dsb.)
- Perbankan Internet
- Menggunakan perisian melalui Internet untuk menyunting teks pada dokumen, lembaran kerja atau persembahan
- Memuat turun perisian atau aplikasi

f) Ruang Penyimpanan

- Menggunakan ruang simpanan di Internet untuk menyimpan dokumen, gambar, muzik, video atau fail lain (Cth: *Google Drive*, *Dropbox*, *Window SkyDrive*, *iCloud*, *Amazon Cloud Drive*)

g) Aktiviti Pembelajaran

- Menjalani kursus formal atas talian
- Merujuk kepada wiki (*Wikipedia* dsb.), ensiklopedia atas talian atau laman web lain untuk tujuan pembelajaran formal
- Menjalani kursus/ latihan tidak formal atas talian

h) e-Kesihatan

- Mendapatkan maklumat berkaitan kesihatan atau perkhidmatan kesihatan (Cth: berkaitan penyakit, kecederaan, nutrisi dll.)
- Membuat temu janji dengan pengamal perubatan melalui laman web

i) e-Kerajaan

- Mendapatkan maklumat daripada organisasi kerajaan
- Berinteraksi dengan organisasi kerajaan

j) Hiburan

- Mendengar radio secara atas talian
- Menonton televisyen secara atas talian
- Memuat turun gambar, filem, video atau muzik; bermain atau memuat turun permainan

k) e-Dagang

- Membeli atau membuat pesanan barangan atau perkhidmatan (e-Dagang)
- Menjual barangan atau perkhidmatan melalui e-Dagang

l) Keselamatan, Perlindungan *Online* dan Kesedaran

- Mempunyai peralatan keselamatan & mengambil langkah perlindungan dalam talian yang mencukupi
- Mengesahkan kebolehpercayaan maklumat yang terdapat di dalam talian
- Menetapkan langkah-langkah keselamatan yang berkesan (Cth: kata laluan yang kuat, pemberitahuan percubaan log masuk) untuk melindungi peranti dan akaun dalam talian
- Mengubah tetapan privasi pada peranti, akaun atau aplikasi anda untuk membatasi perkongsian data dan maklumat peribadi. (Cth: nama, maklumat perhubungan, foto)
- Sebagai pengguna Internet adakah anda sedar tentang jenayah siber berikut? (Cth: spam, penggodaman, penipuan dalam talian, komplot penipuan, mengintai/menghendap siber, pancingan data, buli siber, pemalsuan identiti, berita palsu dan penyebaran virus komputer)

11.4.4 Statistik Terpilih Malaysia daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

i. Jalur lebar

Kadar penembusan jalur lebar bagi 100 penduduk dikira dengan membahagi jumlah langganan jalur lebar tetap dan jalur lebar mudah alih dengan jumlah penduduk dan didarab dengan 100. Langganan Wi-Fi awam tidak diambil kira.

ii. Selular mudah alih

Kadar penembusan selular mudah alih dikira sebagai jumlah langganan dibahagi jumlah penduduk dan didarabkan dengan 100. Penembusan yang melebihi 100 peratus boleh berpunca daripada pelanggan yang melanggan melebihi daripada satu langganan.

iii. Talian tetap

Kadar penembusan talian tetap dikira sebagai jumlah langganan dibahagi dengan jumlah penduduk dan didarabkan dengan 100.

iv. TV berbayar

Kadar penembusan TV berbayar bagi 100 isi rumah dikira dengan membahagi jumlah langganan isi rumah dengan jumlah isi rumah dan didarab dengan 100.

11.5 PEMBUNDARAN ANGGARAN

Pengiraan bagi sesuatu kategori mungkin tidak sentiasa sama antara jadual disebabkan oleh pembundaran secara bebas. Walau bagaimanapun, perbezaan ini adalah tidak ketara.

Peratusan yang ditunjukkan dalam jadual adalah diperolehi daripada angka sebenar dan tidak semestinya memberikan jumlah genap 100 peratus disebabkan pembundaran, walaupun jumlah yang ditunjukkan adalah 100 peratus.

11.6 NOTA DAN SIMBOL

W.P.	Wilayah Persekutuan
n.a.	Tidak berkenaan
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
-	Tidak tersedia
0.0	Kurang daripada sesetengah unit terkecil yang ditunjukkan. Misalnya, kurang daripada 0.05 peratus

1. INTRODUCTION

The statistics released in this report are findings of the ICT Use and Access by Individuals and Households Survey (ICTHS) 2024. It provides data at national, state and administrative district levels. The guidelines, concepts and definitions used in this publication are based on the Manual for Measuring ICT Access and Use by Households and Individuals, 2020 Edition published by the International Telecommunication Union (ITU).

ICTHS was carried out starting reference year 2013, followed by 2015 and 2017. Since 2018, this survey is conducted annually. These technical notes will facilitate users with better understanding pertaining to the published statistics.

2. OBJECTIVES OF SURVEY

The main objectives are as follows:

- i. To collect the latest and specific information on ICT use and access by individuals and households (HH);*
- ii. To serve as an input in the compilation of ICT Satellite Account (ICTSA);*
- iii. To serve as input in ICT Development Index (IDI) and Telecommunication Infrastructure Index (TII); and*
- iv. The ICT indicators obtained can assist the government in the development of the country's ICT sector and the generation of the Digital Economy.*

2. METHOD OF DATA COLLECTION

- 3.1 ICTHS uses the personal interview method using the questionnaire form to obtain information from respondents. During the survey period, trained interviewers visit households (HH) in selected living quarters (LQs) to collect demographic information on all household members and detailed information on the use and access of ICT equipment and services.*
- 3.2 Quality checks were done by experienced officers from the DOSM State office to detect and correct any possibility of errors or omissions at the time when the survey is conducted. The review processes were also implemented for selected HH to ensure the quality of the data collected.*

4. REFERENCE PERIOD

ICTHS 2024 was conducted for two months from November to December 2024. The reference period for ICT use by individuals was for the last three months prior to the interview. Example, if the survey month is in November 2024, then the reference period for individuals is calculated from 1st August 2024 until 31th October 2024.

5. SCOPE AND COVERAGE

- 5.1 The selection of the sample of this survey has taken into consideration both urban and rural areas in administrative district for all states in Malaysia.*
- 5.2 The coverage of the survey is households living in private LQs only and excluding those who are living in residential institutions such as hostels, hotels, hospitals, old folk's homes, military barracks and police, prisons, welfare homes and other institutions.*
- 5.3 This survey involved individuals aged five years and above. However, to enable the comparison to be made with the previous survey, the analysis for the use of ICT only involves individuals aged 15 years and above.*
- 5.4 This survey covered citizens and non-citizens in private residences in Malaysia during the survey period.*

6. SAMPLING FRAME

- 6.1 The sampling frame used for the selection of ICTHS 2024 sample are based on the Household Sampling Frame which is made up of enumeration blocks (EBs) created for the 2020 Population and Housing Census which was updated from time to time. EBs are geographical contiguous areas of land with identifiable boundaries created for survey operation purposes, which on average, contains about 80 to 120 LQs. All EBs are formed within gazette boundaries i.e. within administrative districts, sub-districts or local authority areas.*
- 6.2 The EBs in the sampling frame is classified by urban and rural areas. Urban areas are defined as in 2020 Population and Housing Census. Urban areas are gazetted areas with their adjoining built-up areas which had a combined population of 10,000 or more. Meanwhile, gazetted area with population less than 10,000 and not gazetted area are classified as rural area.*

- 6.3 *Built-up areas are the areas contiguous to a gazetted area and have at least 60 per cent of their population (aged 15 years and above) engaged in non-agricultural activities.*
- 6.4 *The definition of urban areas also takes into account the special development areas i.e. areas that are not gazetted and development can be identified and separated from the gazetted areas or built-up area of more than five kilometres and has a population of at least 10,000 people with 60 per cent of the population (aged 15 years and above) engaged in non-agricultural activities.*
- 6.5 *Urbanisation is a dynamic process and keeps changing with development and growth. Thus, the urban areas for 2010 and 2020 Population and Housing Censuses do not necessarily refer to the same areas, as areas fulfilling the above criteria of urban continue to expand and grow within the time.*
- 6.6 *The classification of areas by strata is as follows:*

Strata	Population of gazetted, built-up areas and special development area
<i>Metropolitan</i>	<i>75,000 and above</i>
<i>Urban large</i>	<i>10,000 to 74,999</i>
<i>Urban small</i>	<i>1,000 to 9,999</i>
<i>Rural</i>	<i>All other areas</i>

- 6.7 *For sampling purposes, classification of areas as stated in item 6.6 is used for all states and federal territories. For Sabah and Sarawak, due to inaccessibility, the rural strata had to be further stratified based on the time taken to reach the area from the nearest urban centre.*
- 6.8 *For the purpose of tabulation, the strata reclassified were combined as follows:*

$$\begin{aligned}
 \text{Urban} &= \text{Metropolitan} + \text{urban large} \\
 \text{Rural} &= \text{Urban small} + \text{all rural}
 \end{aligned}$$

7. SAMPLE DESIGN

7.1 The two-stage stratified sampling design was used in ICTHS 2024. The first level sampling unit were EBs, randomly selected using Probability Proportionate to Size Sampling.

7.2 EBs were selected separately according to the following strata:

Primary strata	State
Secondary strata	Administrative district by state
Tertiary strata	Urban/ rural area by administrative district

7.3 Next, the second level sampling unit were LQs and sample for LQs were selected from the EBs by using Systematic Random Sampling method that generates random number and interval class to ensure every LQs have an equal probability to be selected as a sample. This procedure is performed systematically and scientifically to produce an unbiased sample and can represent the entire populations of HH in Malaysia.

8. SAMPLE SIZE

8.1 The sample of ICTHS 2024 represents the population of the analysis level. The sample size calculation has considered the following elements:

- i. Selected statistics from previous surveys;
- ii. The level of sampling design;
- iii. Desired error; and
- iv. Respond rate

8.2 The distribution of sample size for ICTHS 2024 is as follows:

State	Number of selected EBs	Number of selected LQs
Johor	258	2,064
Kedah	316	2,528
Kelantan	282	2,256
Melaka	131	1,048
Negeri Sembilan	204	1,632
Pahang	271	2,168
Pulau Pinang	172	1,376
Perak	307	2,456
Perlis	73	584
Selangor	263	2,104
Terengganu	238	1,904
Sabah	437	3,392
Sarawak	442	3,536
W.P. Kuala Lumpur	60	480
W.P. Labuan	29	232
W.P. Putrajaya	25	200
MALAYSIA	3,508	27,960

9. DATA EVALUATION

9.1 Data obtained from probability sample survey are subject to two types of error i.e. sampling error and non-sampling error.

i. Sampling Error

Sampling error is a result of estimating data based on a probability sampling. This error can be measured by estimating the Relative Standard Error (RSE) and expressed as a percentage. It is used as an indicator of the precision of the estimated parameters studied. This estimate reflects the level of variation that was estimated through a survey variables compared with the population parameter.

For instance, in ICTHS 2024, the percentage of Internet access by household for Malaysia was 96.8 per cent with RSE of 0.1 per cent. In other words, the standard error (SE) is approximately 0.1 per cent. Based on a 95 per cent confidence level ($\alpha=0.05$), the percentage of Internet access by households was found to be in the range of 96.6% - 97.0%.

ii. **Non-Sampling Error**

These errors may arise through incomplete survey coverage, weaknesses in the frame, response errors, non-response errors and also errors during processing such as editing, coding and data capture. To ensure high quality data, several administrative procedures were taken to keep **non-sampling errors** to a minimum. Intensive training was conducted for the supervisors and enumerators. In addition, close supervision and random checks were carried out on households which were covered by the enumerators to ensure the validity of the information recorded.

In order to resolve the case of non-response error due to several reasons such as vacant house, no one at home, refusal to co-operate or not qualified LQ, the sample size estimation for ICTHS 2024 has taken into account all the possibilities.

The survey frame is updated regularly to overcome the problem of non-response due to vacant home. Wide publicity was carried out through electronic and printed media to minimise the case of 'no one at home' and refusal to cooperate.

In addition, at the data processing stage, each variable's consistency checking and validation process has been systematically implemented in order to minimise the non-sampling error.

10. **LIMITATIONS OF SURVEY**

Several challenges and limitations occurred during the implementation of this survey. Among them are:

- i. This survey was conducted among selected households and individuals throughout Malaysia. However, it can also be used to provide an overview of ICT accessibility and usage.

- ii. *The coverage of this survey only covers the state level for strata 1 and 2 for urban areas, whereas for strata 3 to 6 for rural areas.*
- iii. *A detailed analysis of ICT use and access by individuals and households by administrative district level is based on a relative value reliability of not more than 20 per cent tolerance interval.*
- iv. *The findings of the survey should be used with high precaution and DOSM will not be responsible for any implications resulting from the use of these statistics.*

11. CONCEPTS AND DEFINITIONS

11.1 LIVING QUARTERS

*Living quarters are defined as **independent** and **separate** structures and are usually used as place of abode. The terms separate and independent mean the following:*

- i. **Separate:** *A structure is considered separate if it is surrounded by walls, fence, etc. and is covered by roof.*
- ii. **Independent:** *A structure is said to be independent if it has direct access via public path, communal passageway or space (that is occupants can come in or go out of their LQs without passing through others' premises).*

11.2 HOUSEHOLD

A person or group of people, whether related or unrelated who usually live together in a living quarter and make provisions (expenses) for food and necessities of life together.

11.3 HEAD OF HOUSEHOLD

Head of household is defined as any members whether male or female which is considered as head of HH by other members. The Head of HH must be an income recipient and is aged 15 years and above.

11.4 ICT ACCESS AND USAGE

- 11.4.1** **ICT access by households:** *In order for a household to have access to ICT services or equipment, it should be able to be used during interview.*

11.4.2 ICT use by individuals:

- *Use of ICT equipment and services by one or more individuals in a household, either it was used in LQ or elsewhere;*
- *Individuals in a household aged 15 years and above; and*
- *Use of mobile phone, computer and Internet for the last three months.*

11.4.3 Core ICT Indicators

i. Radio

A radio is defined as a device capable of receiving broadcast radio signals, using common frequencies, such as FM, AM, LW and SW. A radio may be a stand-alone device, or it may be integrated with another device, such as an alarm clock, an audio player, a mobile phone or a computer. It includes radio in a car.

$$\frac{(\text{number of in-scope household with a radio})}{(\text{total number of in-scope households})} \times 100$$

ii. Television

A television (TV) is a device capable of receiving broadcast television signals, using popular access means such as over-the-air, cable and satellite. A television set is typically a stand-alone device, but it may also be integrated with another device, such as a computer or a mobile phone.

$$\frac{(\text{number of in-scope household with a television})}{(\text{total number of in-scope households})} \times 100$$

iii. **Fixed-line telephone**

A fixed telephone refers to a telephone line connecting a customer's terminal equipment (e.g. telephone set, facsimile machine) to the Public Switched Telephone Network (PSTN) and which has a dedicated port on a telephone exchange. This term is synonymous with the terms main station or Direct Exchange Line (DEL) that are commonly used in telecommunication documents. It may not be the same as an access line or a subscription.

$$\frac{(\text{number of in-scope household with a fixed-line telephone})}{(\text{total number of in-scope households})} \times 100$$

iv. **Mobile phone**

A mobile phone refers to a portable telephone subscribing to a public mobile phone service using cellular technology, which provides access to the PSTN. This includes analogue and digital cellular systems and technologies such as IMT-2000 (3G) and IMT-Advanced. Users of both postpaid subscriptions and prepaid accounts are included.

$$\frac{(\text{number of in-scope household with a mobile phone})}{(\text{total number of in-scope households})} \times 100$$

v. **Computer**

A computer refers to a desktop, a laptop (portable) computer or a tablet (or similar handheld computer). It does not include equipment with some embedded computing ability such as mobile phones, Personal Digital Assistant (PDA) or a TV set.

$$\frac{(\text{number of in-scope household with a computer})}{(\text{total number of in-scope households})} \times 100$$

vi. Internet

The Internet is a worldwide public computer network. It provides access to a number of communication services including the World Wide Web and carries e-mail, news, entertainment and data files, irrespective of the device used (not assumed to be only via a computer - it may also be by mobile phone, tablet, PDA, games machine, digital TV and etc.). Internet can be accessed via a fixed or mobile network.

$$\frac{(\text{number of in-scope household with a Internet})}{(\text{total number of in-scope households})} \times 100$$

vii. Internet Activities

Internet activities are categorised as follows:

a) Access to information

- *Finding information about goods or services*
- *Reading or downloading online newspaper or magazines, electronic books*

b) Communication

- *Participating in social networks (e.g. Facebook, WhatsApp, Instagram, X etc.)*
- *Sending or receiving e-mail*
- *Telephoning over the Internet/ VoIP*
- *Uploading self - created content to a website*
- *Managing personal homepage*
- *Blogging: Maintaining or adding contents to a blog*
- *Accessing chat sites, blogs, newsgroups or online discussions*

c) Professional

- *Looking for a job or submitting a job application*
- *Participating in professional networks (e.g. LinkedIn and Xing)*
- *Accessing office's computing system for the purpose of doing work from home*

d) *Civic and Politics*

- *Posting opinions or voting on civic or political issues (e.g. blogs, social networks, websites)*

e) *Other Online Services*

- *Performing tasks online to generate income*
- *Using services related to travel or travel-related accommodation*
- *Selling goods or services (via mudah.my, Facebook, WhatsApp etc.)*
- *Purchasing or ordering goods or services other than e-Commerce (via mudah.my, Facebook, WhatsApp etc.)*
- *Internet Banking*
- *Using software run over the Internet for editing text documents, spreadsheets or presentations*
- *Downloading software or applications*

f) *Storage Space*

- *Using storage space on the Internet to save documents, pictures, music, video or other files (e.g. Google Drive, Dropbox, Window Sky Drive, iCloud, Amazon Cloud Drive)*

g) *Learning Activities*

- *Doing a formal online course*
- *Consulting wikis (Wikipedia etc.), online encyclopedias or other websites for formal learning purposes*
- *Doing an informal online course/ assessment*

h) *e-Health*

- *Seeking health related information or services related information (e.g. on disease, injuries, nutrition etc.)*
- *Making an appointment with a health practitioner via a website*

i) *e-Government*

- *Getting information from government organisations*
- *Interacting with government organisations*

j) Entertainment

- *Listening to radio online*
- *Watching television online*
- *Downloading images, movies, videos or music; playing or downloading games*

k) e-Commerce

- *Purchasing or ordering goods or services (e-Commerce)*
- *Selling goods or services via e-commerce*

l) Safety, Online Protection and Awareness

- *Owning online security tools & adopt measures to ensure online protection*
- *Verifying the reliability of information found online*
- *Setting up effective measure (E.g: strong password, log-in attempt notifications) to protect devices and online accounts*
- *Changing privacy settings on devices, accounts or app to limit the sharing of personal data and information (E.g: name, contact information, photos)*
- *As an Internet user are you aware of the following cybercrimes: (E.g: spam, hacking, online, fraud stalking, phishing, cyber-bullying, catfish, fake news and spreading of computer virus)*

11.4.4 Selected Statistics of Malaysia from Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC)

i. Broadband

The broadband penetration rate per 100 inhabitants is calculated by dividing the sum of fixed and mobile-broadband subscriptions by total number of population and multiplying by 100. Public Wi-Fi subscriptions are not taken into account.

ii. Mobile-cellular

The mobile-cellular penetration rate refers to the total subscriptions divided by total number of population and multiplied by 100. A penetration rate over 100 per cent can occur because of multiple subscriptions.

iii. Fixed-telephone

The fixed-telephone penetration rate refers to the total subscriptions divided by total number of population and multiplied by 100.

iv. Pay TV

The pay TV penetration rate per 100 households is calculated by dividing the number of household subscriptions by the number of households and multiplied by 100.

11.5 ROUNDING OF ESTIMATES

The calculation of certain categories may not always be the same between tables due to independent rounding. However, the differences were insignificant.

Percentages shown in the tables were computed from actual absolute figures and may not always add up exactly to 100 per cent due to rounding, although the totals were shown as 100 per cent.

11.6 NOTES AND SYMBOLS

<i>W.P.</i>	<i>Wilayah Persekutuan</i>
<i>n.a.</i>	<i>Not applicable</i>
<i>ICT</i>	<i>Information and Communication Technology</i>
<i>-</i>	<i>Not available</i>
<i>0.0</i>	<i>Less than half the smallest unit shown. For example, less than 0.05 per cent.</i>

**PERTANYAAN BERHUBUNG DENGAN PENERBITAN INI BOLEH JUGA DIBUAT
DI PEJABAT PERANGKAAAN NEGERI SEPERTI BERIKUT:**

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor,
Tingkat 14, Menara Tabung Haji,
Jalan Air Molek,
80000 Johor Bahru, Johor.
Tel. : 07-225 3700
Faks : 07-224 9972
E-mel: jpjohor@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah,
Aras 1, Zon C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Muadzam Shah,
06550 Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.
Tel. : 04-700 1240
Faks : 04-733 8412
E-mel: jpkedah@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan,
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan,
Jalan Bayam,
15514 Kota Bharu, Kelantan.
Tel. : 09-741 9449
Faks : 09-748 2142
E-mel: jpkelantan@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka,
Aras 7 & 8, Wisma Persekutuan,
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,
75450, Ayer Keroh,
Melaka.
Tel. : 06-252 2725
Faks : 06-252 2711
E-mel: jpmelaka@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan,
Tingkat 12, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abdul Kadir,
70000 Seremban,
Negeri Sembilan.
Tel. : 06-765 5000
Faks : 06-765 5002
E-mel: jpnsembilan@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang,
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel. : 09-516 3931/7
Faks : 09-514 4636
E-mel: jppahang@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau
Pinang,
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,
10400 Jalan Anson,
Pulau Pinang.
Tel. : 04-226 6244
Faks : 04-229 9499
E-mel: jppulaupinang@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak,
Tingkat 3, Blok A, Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown),
30450 Ipoh, Perak.
Tel. : 05-255 4963
Faks : 05-255 1073
E-mel: jpperak@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis,
Tingkat 1, Bangunan Perodua Kangar,
No. 2C, Persiaran Jubli Perak
01000 Kangar, Perlis.
Tel. : 04-976 7381/9025
Faks : 04-976 8950
E-mel: jpperlis@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor,
Tingkat 9, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel. : 03-5515 0200
Faks : 03-5518 0408
E-mel: jpselangor@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu,
Tingkat 9, Wisma Persekutuan,
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel. : 09-622 3062
Faks : 09-622 9659
E-mel: jpterengganu@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah,
Tingkat 1-3, Blok C,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Sabah,
Jalan UMS, Beg Berkunci No. 2046,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel. : 088-484 602
Faks : 088-484 659
E-mel: jpsabah@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak,
Tingkat 7 & 8, Bangunan Tun Datuk Patinggi
Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang Tiga,
93514 Kuching, Sarawak.
Tel. : 082-240 287
Faks : 082-242 609
E-mel: sarawak@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia
Wilayah Persekutuan,
Tingkat 14 & 15, Wisma FGV,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel. : 03-2267 2400
Faks : 03-2274 5075
E-mel: jpwpl@dosm.gov.my

**ENQUIRIES ABOUT THIS PUBLICATION CAN ALSO BE MADE
AT THE FOLLOWING STATE STATISTICS OFFICES:**

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Johor,
14th Floor, Menara Tabung Haji,
Jalan Air Molek,
80000 Johor Bahru, Johor.
Tel. : 07-225 3700
Fax : 07-224 9972
Email: [jnpjohor@dosm.gov.my](mailto:jpjohor@dosm.gov.my)

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Kedah,
1st Floor, Zon C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Muadzam Shah,
06550 Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.
Tel. : 04-700 1240
Fax : 04-733 8412
Email: jpkedah@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Kelantan,
8th Floor, Bangunan Persekutuan,
Jalan Bayam,
15514 Kota Bharu, Kelantan.
Tel. : 09-741 9449
Fax : 09-748 2142
Email: jpkelantan@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Melaka,
7th & 8th Floor, Wisma Persekutuan,
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,
75450, Ayer Keroh,
Melaka.
Tel. : 06-252 2725
Fax : 06-252 2711
Email: jpmelaka@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Negeri
Sembilan,
12th Floor, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abdul Kadir,
70000 Seremban,
Negeri Sembilan.
Tel. : 06-765 5000
Fax : 06-765 5002
Email: jpnsembilan@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Pahang,
7th Floor, Bangunan Persekutuan,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel. : 09-516 3931/7
Fax : 09-514 4636
Email: jppahang@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Pulau Pinang,
6th Floor, Bangunan Persekutuan,
10400 Jalan Anson,
Pulau Pinang.
Tel. : 04-226 6244
Fax : 04-229 9499
Email: jppulaupinang@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Perak,
3rd Floor, Block A, Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown),
30450 Ipoh, Perak.
Tel. : 05-255 4963
Fax : 05-255 1073
Email: jpperak@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Perlis,
1st Floor, Bangunan Perodua Kangar,
No. 2C, Persiaran Jubli Perak
01000 Kangar, Perlis.
Tel. : 04-976 7381/9025
Fax : 04-976 8950
Email: jpperlis@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Selangor,
9th Floor, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel. : 03-5515 0200
Fax : 03-5518 0408
Email: jpselangor@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Terengganu,
9th Floor, Wisma Persekutuan,
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel. : 09-622 3062
Fax : 09-622 9659
Email: jpterengganu@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Sabah,
Level 1-3, Block C,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Sabah,
Jalan UMS, Beg Berkunci No. 2046,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel. : 088-484 602
Fax : 088-484 659
Email: jpsabah@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Sarawak,
7th & 8th Floor, Bangunan Tun Datuk Patinggi
Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang Tiga,
93514 Kuching, Sarawak.
Tel. : 082-240 287
Fax : 082-242 609
Email: sarawak@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia,
Federal Territories,
14th & 15th Floor, Wisma FGV,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel. : 03-2267 2400
Fax : 03-2274 5075
Email: jpwinkl@dosm.gov.my